

PENJAGAAN ALAM SEKITAR MENURUT *MAQASID SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG*

Farrah Wahida Mustafar*

Fakulti Sains Sosial
Kolej Universiti Islam Melaka
farrahwahida@kuim.edu.my

Mohamad Haiqal Danial Hamdan

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Melaka
haiqaaldanial@gmail.com

Norfadzilah Jusoh

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
fadzilah.j@umk.edu.my

Shamsilawati Mustafar

Makmal Penyiasatan Kebakaran
Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia
shamsilawati@bomba.gov.my

**Corresponding author*

Received Date: 25 September 2020 *Accepted Date:* 2 November 2020 *Published Date:* 22 December 2020

ABSTRAK

Alam sekitar merupakan salah satu ciptaan Allah yang memberikan manfaat kepada semua makhluknya, termasuk juga manusia. Manusia, dijadikan oleh Allah SWT sebagai khalifah dan dipertanggungjawabkan dalam menjaga dan memulihara untuk kesejahteraan sejagat. Namun, kebelakangan ini, semakin banyak pencemaran dan kerosakan yang berlaku khususnya pencemaran udara, air, bunyi dan tanah. Pelbagai alternatif telah dilakukan dan langkah-langkah telah diatur dalam pelbagai aspek bagi memberikan kesedaran masyarakat untuk memastikan alam sekitar ini terpelihara namun sejauh mana ianya berkesan. Oleh itu, tujuan penulisan kertas konsep ini adalah untuk membincangkan permasalahan alam sekitar menurut *maqasid syariah* dan undang-undang. *Maqasid syariah* menekankan bahawa kejadian alam dan segala kekayaan yang dimiliki oleh manusia adalah hak mutlak Allah SWT. Manusia sewajarnya bertanggungjawab menguruskan harta kurniaan-Nya dengan menyampaikan kebaikan yang diperolehi kepada masyarakat seluruhnya. Dari sudut perundangan pula, dapat dilihat bahawa pelbagai rang undang-undang telah digubal dalam memastikan alam sekitar ini terus terpelihara. Kompaun, saman, khidmat masyarakat, injunksi ataupun dihadapkan ke mahkamah, undang-undang telah menyediakan satu balasan atau hukuman khas terhadap kesalahan pencemaran atau kerosakan yang dilakukan. Kesimpulannya, sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran dan kemampuan tubuh badan yang sihat oleh Allah, seharusnya menitikberatkan segala aspek penjagaan alam sekitar dalam usaha menjaga amanah Allah dan juga mentadbir urus alam dengan sempurna.

Kata kunci: Penjagaan Alam Sekitar, Undang-Undang, *Maqasid Syariah*

THE ENVIRONMENTAL CONSERVATION BY MAQASID SYARIAH AND LAW

ABSTRACT

The environment is one of Allah's creations that benefits everyone; these are including His creatures, including humans. The human being as caliph and responsible for maintaining and preserving for universal well-being. However, the increase in pollution and damages that happens has become a big concern and issues around the world. Various alternatives have been made, and measures have been set up in multiple aspects to create community awareness to ensure, this environment is preserved but how far it is useful. Therefore, the purposes of this study are to discuss environmental issues according to the maqasid syariah and law. Maqasid syariah emphasizes that the creation of nature and all the wealth possessed by human beings is the absolute right of Allah SWT. The people should be responsible for managing His bounty by conveying the good gained to the whole society. From a law point of view, it can be seen that various bills have been enacted to ensure that the environment continues to be protected. Compounds, summonses, community service, injunctions or brought to a court, the law has provided extraordinary retribution or punishment for pollution or damage committed. In conclusion, as a human being endowed with a mind and the ability of a healthy body by God, should focus on all aspects of environmental conservation to maintain the trust of God and also manage nature properly.

Keywords: Environmental Conservation, Law, Maqasid Syariah


PENDAHULUAN

Alam sekitar merupakan ciptaan dan pemberian yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada manusia untuk memelihara daripada berlakunya kerosakan dan pencemaran. Alam sekitar telah diwarisi sejak berabad dahulu, secara turun-temurun untuk dimanfaatkan oleh tamadun manusia dari generasi ke generasi termasuklah masyarakat yang ada di Malaysia yang mesra dengan alam sekitar (Hamidi Ismail, 2003). Alam sekitar sangat penting dalam kehidupan kerana dapat memberi manfaat kepada manusia khususnya dalam aspek kesihatan dan dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi kepada manusia (Surtahman Kastin Hasan, 2018). Walau bagaimanapun, keindahan alam sekitar kian terancam dan dicemari oleh perbuatan manusia lantas mengakibatkan pencemaran berlaku terhadap alam sekitar. Menurut Hamidi Ismail (2003) mengatakan manusia mencipta peralatan untuk mempermudahkan dan mempercepatkan kerja-kerja namun alam sekitar menjadi mangsa kepada teknologi yang diperkenalkan yang tidak sesuai dengan persekitaran. Alam sekitar bukan hanya terdiri daripada sumber-sumber alam yang diaplikasikan dan dimanfaatkan oleh manusia untuk menjadi penyambung di dalam kelangsungan hidup malah mengandungi hubungan terhadap tiga dimensi yang telah ditetapkan iaitu syariat agama, peraturan-peraturan manusia dan etika-etika tertentu dalam masyarakat setempat. Arus kemodenan telah mencetuskan pelbagai pencemaran seperti air, udara, tanah dan bunyi.

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling Malaysia (1974), alam sekitar atau persekitaran bermaksud faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia. Ia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi dan juga faktor-faktor sosial yang saling bergantung sesama sendiri, di antara faktor-faktor biologi dengan faktor-faktor fizikal. Manakala, definisi yang lain pula mengatakan bahawa alam sekitar adalah sebagai ekosfera yang mengandungi ekosistem-ekosistem yang saling berinteraksi (Hazura, 2007). Ekosistem pula terdiri daripada faktor-faktor biologi yang saling bergantung sesama sendiri, di antara

faktor-faktor biologi dengan faktor-faktor fizikal (Ahmad Badri, 1987). Dalam pengertian sains dan teknologi pula, alam sekitar atau persekitaran boleh membawa maksud segala apa yang ada di sekeliling dan berhubung kait dengannya, sehingga menimbulkan suatu suasana atau keadaan. Justeru itu, setiap sesuatu yang ada di alam nyata ini mempunyai persekitarannya masing-masing, dan sesuatu itu boleh menjadi persekitaran kepada sesuatu yang lain (Fadil Othman, 1996). Antara komponen alam sekitar yang merupakan rangkuman persekitaran bumi dan ruang udaranya terdiri daripada biosfera, bumi, ekosistem dan sumber alam dalam kehidupan (Surtahman Kastin Hasan, 2018).

Rajah 1 menunjukkan jenis-jenis pencemaran yang timbul akibat dari perbuatan manusia. Antaranya ialah pencemaran udara, bunyi, udara dan tanah. Pencemaran ertiinya apa-apa perubahan langsung atau tak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, kimia atau biologi mana-mana bahagian alam sekeliling dengan melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan hingga menjaskan apa-apa kegunaan berfaedah, menyebabkan suatu keadaan yang merbahaya atau mungkin merbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kepada binatang, burung, hidupan liar, hidupan dalam air atau kepada tumbuh-tumbuhan.



Rajah 1 Jenis-jenis pencemaran

Pencemaran Udara

Kepesatan pembangunan industri mengakibatkan kemerosotan kualiti udara. Pencemaran udara boleh didefinisikan sebagai kehadiran satu atau lebih bahan tercemar atau gabungannya di atmosfera dalam kuantiti dan jangka masa yang boleh menyebabkan kemudaratkan kepada manusia, tumbuhan, haiwan atau harta benda (Wark dan Warner, 1981). Ketidakseimbangan udara telah menyebabkan berlakunya perubahan serta kesan negatif yang memudaratkan, ketidakselesaan kepada manusia atau organisme hidupan lain dan merosakkan alam sekitar apabila dibebaskan ke atmosfera. Menurut Fazrul Razman Sulaiman (2015) mengatakan

pencemaran udara adalah masalah pencemaran yang disebabkan oleh bahan terampai (sama ada dalam bentuk pepejal, cecair ataupun gas) yang terkandung dalam ruang udara pada kepekatan yang tinggi dan mampu membahayakan kesihatan manusia, mengancam flora dan fauna dan bangunan serta persekitaran alam bina. Terdapat tiga cara bahan pencemar udara masuk ke dalam tubuh manusia iaitu melalui sedutan (*inhalation*), semasa menelan (*ingestion*) dan perembesan melalui kulit (*penetration*) (Afif Budiyono, 2001).

Demi mengejar kemajuan negara dan meningkatkan taraf hidup penduduk, kegiatan ekonomi serta projek-projek pembangunan negara telah dilakukan sehingga berlakunya pencemaran udara. Isu pencemaran udara merupakan satu episod yang berterusan seiring dengan dunia industri yang kini sedang giat membangun. Hal ini turut dirasai oleh kawasan luar bandar yang menerima kesan pencemaran (Haryati Shafii' et al., 2018). World Health Organization (WHO) mengatakan pencemaran udara merupakan risiko gangguan kesihatan di dunia kerana mengakibatkan kematian (Irma Dita Kurniawati, Ulfa Nurullita dan Mifbakhuddin, 2017). Berdasarkan maklumat Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Jabatan Alam Sekitar Malaysia menunjukkan purata klasifikasi tahap Indeks Pencemar Udara (IPU) dan kesan terhadap kesihatan adalah antara 105 hingga 150 yang menunjukkan tahap pencemaran tidak sihat untuk kumpulan sensitif. Individu kumpulan ini akan menghadapi masalah kesihatannya terutama warga tua, wanita hamil, kanak-kanak dan orang yang mempunyai komplikasi jantung dan paru-paru. IPU yang dicadangkan ini adalah berdasarkan sistem Pollution Standard Index (PSI) yang diterimapakai di peringkat antarabangsa oleh United States Environmental Protection Agency (USEPA). Kebiasaannya, bacaan IPU adalah ditentukan oleh kepekatan habuk halus yang merupakan pencemar dominan pada kebanyakan masa terutamanya semasa berlaku jerebu di Malaysia. Berikutnya isu pandemik COVID-19 baru-baru ini yang melanda, Jabatan Alam Sekitar (2020) menunjukkan terdapat tren penurunan pencemaran udara disebabkan oleh pengurangan aktiviti atau punca yang menyebabkan pencemaran udara seperti pelepasan asap kenderaan, pelepasan asap cerobong industri dan pembakaran terbuka.

Pencemaran Air

Selain kesan yang positif, pembangunan sesebuah negara juga sebenarnya telah banyak memberi kesan yang negatif kepada masyarakat misalnya kesan kepada persekitaran fizikal serta masalah pencemaran yang berpunca daripada pembangunan itu sendiri (Mohmadisa & Mohamad Suhaily Yusri, 2005). Pencemaran air ialah perubahan yang berlaku sama ada secara fizikal, kimia mahupun biologi yang telah mengganggu sifat-sifat semula jadi air tersebut sehingga menjaskan kesuciannya. Pencemaran sumber air hasil kegiatan pembangunan secara tidak terkawal serta kelalaian manusia dalam menjaga aset penting ini boleh mengakibatkan mereka berhadapan dengan masalah yang serius seperti kekurangan bekalan air bersih. Masyarakat perlu mengutamakan penjagaan semula jadi air kerana kepentingannya terhadap keperluan asas seperti minuman, kualiti hidupan akuatik dan kebersihan tubuh badan daripada kekotoran.

Bagi memastikan matlamat pembangunan ekonomi terhadap kepentingan air, peningkatan kualiti air perlu dititikberatkan. Seterusnya, manusia menjadi fokus kepada pembangunan lestari kerana mereka berhak menikmati kehidupan yang sihat dan produktif serta harmoni dengan alam semula jadi. Air merupakan keperluan asas yang diperlukan untuk menjalani kehidupan seharian. Akhir sekali, isu alam sekitar sebaik-baiknya ditangani dengan penyertaan semua rakyat terkesan pada semua peringkat yang relevan. Ini kerana kebersihan sumber semula jadi air ini sangat memberi kesan terhadap kesihatan manusia dan haiwan.

Pencemaran Bunyi

Salah satu daripada masalah alam sekitar adalah pencemaran bunyi, iaitu masalah bunyi bising atau hingar. Menurut Hamidi dan Tuan Pah Rokiah (2001), had piawaian kebangsaan dan WHO bagi kawasan bandar adalah tidak melebihi 65 dBA pada waktu siang dan tidak melebihi 55 dBA pada waktu malam. Aras kebisingan yang melebihi piawaian yang ditetapkan, selain menjelaskan kualiti kehidupan, jika dialami secara berterusan boleh menyebabkan gangguan kepada kesihatan pendengaran. Pencemaran bunyi merupakan satu bentuk pencemaran udara yang boleh ancaman kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Lazimnya, masalah pencemaran bunyi yang menyebabkan pencemaran bunyi adalah berlaku di kawasan bandar-bandar, negara maju dan negara membangun. Negara China, India dan Amerika Syarikat merupakan antara contoh negara yang sinonim menghadapi masalah pencemaran bunyi (Singh & Davar, 2004). Pencemaran bunyi yang tidak diingini ini mampu merosakkan kesihatan dan kesejahteraan secara fisiologi mahupun juga secara psikologi. Untuk mencapai pembangunan lestari dan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua rakyat, negara hendaklah mengurang dan memberhentikan pola-pola pengeluaran dan kepenggunaan yang tidak lestari serta memajukan polisi-polisi struktur yang bersesuai. Pencemaran bunyi mampu menyebabkan seseorang itu rimas dan mempunyai gangguan seperti sikap yang agresif, hipertensi, tahap tekanan tinggi, kehilangan pendengaran, gangguan tidur, dan kesan buruk yang lain.

Tambahan lagi, selain daripada pencemaran udara, air dan tanah yang berlaku, Malaysia juga mengalami pencemaran dari segi bunyi. Pencemaran bunyi bukan sahaja datang daripada kilang mahupun tempa pembinaan, ianya juga datang daripada kenderaan, terutamanya oleh pemandu yang gemar membunyikan hon kenderaan mereka. Seperti di Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit, Jalan Tun H.S Lee, Jalan Raja Laut, Jalan Dang Wangi dan Jalan Tun Perak, dimana semuanya berlaku di Kuala Lumpur. Kawasan ini juga dikenali dengan “medan hon”. Akibatnya, seseorang individu itu mengalami gegendang telinga pecah atau menyebabkan serangan jantung kerana terkejut dengan bunyi hon yang amat kuat (Utusan Online, 2011). Bukan sahaja pencemaran bunyi ini mendapatkan keburukan kepada manusia, ianya turut juga kepada haiwan.

Pencemaran Tanah

Pencemaran tanah bermaksud perbuatan yang berlaku kepada sesuatu kawasan sehingga terjadinya pertukaran warna, kesuburan dan hakisan. Struktur asas yang membentuk permukaan bumi adalah lapisan litosfera yang terdiri daripada unsur batuan, tanah dan tanah. Lapisan ini merupakan habitat utama bagi kebanyakan hidupan di bumi untuk membina penempatan dan menjalankan aktiviti sehari-hari. Selain itu, tanah juga mengandungi pelbagai sumber mineral dan galian di bahagian bawahnya yang bermanfaat buat manusia (Jamaluddin Md. Jahi, 2005). Struktur tanah yang subur memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengeluaran hasil pertanian sebagai salah satu sumber makanan dan ekonomi manusia.

Antara pencemaran tanah yang berlaku di Malaysia ialah perlombongan bauksit yang telah dilakukan secara berleluasa dan tidak terkawal di Kuantan, Pahang. Masyarakat dan alam sekitar di sekelilingnya mengalami kesan amat buruk dan terjejas akibat perlombongan bauksit ini. Menurut Ibrahim Komoo, proses perlombongan adalah terbahagi kepada dua jenis iaitu di bawah tanah dan permukaan tanah (bhonline, 2016). Satu tindakan moratorium telah dikenakan keatas pelombong bauksit itu bagi memberhentikan seketika perlombongan bauksit ini.

Tindakan moratorium yang telah dikeluarkan sejak tahun 2016 telah dilanjutkan sehingga ke 30 Jun 2017 dan diberhentikan pada tahun yang sama (bhonline, 2017).

Prinsip hubungkait terhadap penjagaan sumber tanah adalah alam semula jadi yang produktif terhadap mengeluarkan pelbagai hasil bumi dalam sesuatu kegiatan yang bermanfaat kepada manusia. Selain itu, topografi iaitu kajian bentuk dan ciri permukaan bumi perlu diutamakan dalam sektor pembinaan. Ini kerana tragedi keruntuhan hasil binaan yang dibina di kawasan tanah tinggi akan terus berlaku sekiranya langkah-langkah kawalan, pemantauan dan penyelenggaraan bukit, cerun dan tanah tinggi tidak diambil. Malahan keindahan kawasan bukit dan tanah tinggi turut terserlah dengan kepelbagaiannya pemandangan yang sesuai dari segi ketinggian, saiz dan fungsinya yang menjadikan alam semula jadi ini sebuah anugerah yang perlu dipelihara sebaiknya. Tanah dari perspektif Islam juga boleh dijadikan sebagai sumber pahala menerusi instrumen sedekah dan waqaf bagi kepentingan manusia terutamanya umat Islam (Norhibah Hasan, 1999). Maka, menjadi tanggungjawab ke atas setiap manusia untuk memastikan nilai dan kualiti tanah yang ingin diinfakkan boleh dimanfaatkan oleh manusia lain.

Berdasarkan isu-isu alam sekitar ini, keperluan menjaga alam sekitar tidak boleh diabaikan. Menurut Surtahman Kastin Hasan (2018) mengatakan bahawa jika membiarkan alam sekitar berasimilasi sendiri atau ekosistem mencapai kestabilan sendiri gagal membersih persekitaran, maka pihak berwajib perlu campur tangan dalam usaha menanganinya. Dengan demikian, objektif kajian ini akan membincangkan pemeliharaan alam sekitar menurut *maqasid* syariah serta dari sudut perundungan di Malaysia. Fokus artikel ini diselaraskan dengan tindakan yang perlu diambil memandangkan isu alam sekitar berleluasa. Seterusnya, penulisan ini akan menyediakan mekanisme yang perlu untuk menjaga alam sekitar daripada terus diancam dan dicemari dengan pelbagai pencemaran.

PENJAGAAN ALAM SEKITAR MENURUT *MAQASID SYARIAH*

Maqasid Syariah dapat diperincikan melalui *al-dharuriyat al-khams* yang terdiri daripada nyawa, akal, keturunan, harta dan agama. Umat Islam telah diterapkan di dalam diri seseorang tentang adab khusus buat penulisan ini terhadap alam semula jadi. Jika individu membuat sebarang pencemaran alam sekitar terhadap alam semula jadi, ianya merupakan suatu bentuk kesalahan di sisi syarak yang balasannya akan diterima kelak kerana mencemarkan alam sekitar iaitu amanah yang Allah kurniakan kepada makhluk di muka bumi. Namun, penetapan elemen dosa dan pahala dalam aspek hubungan manusia dengan alam sekitar bukan hanya nilai ukhrawi sahaja, tetapi mempunyai maksud dalam usaha memelihara kemaslahatan manusia di dunia ini (Khairul Azhar Meerangani, 2018). Perkara ini juga telah dibincangkan oleh para ulama' juga terdapat dalam al-Quran dan hadis yang pada asasnya adalah melarang sebarang bentuk aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar demi menjaga kesejahteraan umat (Abdul Basir Mohamad, 2005).

Memelihara Agama

Kepentingan memelihara agama dapat difahami melalui konsep Islam sebagai *ad-din*. Dalam mendalami maksud memelihara kesucian dan kepercayaan beragama, konsep ini menerangkan Islam bukan hanya setakat suatu kepercayaan dan bentuk peribadatan semata-mata, bahkan Islam juga merupakan satu sistem hidup dan mempunyai peraturan hidup yang komprehensif (Asmadi, 2003). Sebagai pemegang amanah, keimanan dan kepatuhan individu Muslim

terhadap perintah Allah SWT adalah memastikan pengurusan alam dengan sebaiknya seperti mana Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الْلَّذِينَ أَنْتَقُوا وَالَّذِينَ هُمْ حُسْنُونَ ﴾

“Sesungguhnya Allah SWT berserta orang-orang yang bertakwa, dan orang-orang yang berbuat kebaikan”

(al-Nahl, 16: 128)

Sehubungan dengan itu, antara tuntutan untuk menjadi hamba yang bertakwa dan diredaya Allah SWT adalah dengan melakukan kebaikan terhadap alam sekitar. Perbuatan merosakkan alam sekitar adalah sama seperti menafikan sikap adil dan ihsan, sedangkan kedua-dua sikap ini merupakan perintah Allah yang perlu dilaksanakan. Pencemaran alam sekitar ini hakikatnya semakin serius dan pelbagai langkah telah diambil dalam mengekangnya daripada terus merebak dan semakin memburuk. Dalam langkah yang diambil untuk mencegahnya dan memastikan keperluan menjaga alam sekitar, ia dikhususkan pula kepada maqasid syariah dan undang-undang. Dalam *maqasid* syariah di mana konsep *daruriyyah al-khams* digunakan bagi memastikan matlamat penjagaan alam sekitar dapat tercapai. Dengan mengaitkan dalam aspek agama, ianya yang sangat rapat dengan sudut rohaniah di dalam setiap insan itu. Ini kerana rohaniah adalah bermula daripada dalaman jiwa seseorang itu. Keperluan menjaga alam sekitar, bila ianya dikaitkan dengan agama, sekali gus mewujudkan akhlak di dalam diri seseorang insan itu di mana agama dan akhlak adalah satu. Pada hakikatnya, pandangan tentang akhlak tidak terhad pada susunan hubungan manusia dengan manusia lainnya, tetapi ianya mengawal hubungan manusia dengan segala perkara yang terkandung dalam kehidupan dan lebih dalam lagi mengatur hubungannya dengan Tuhan (Zulfahmi Syamsuddin, 2014). Di dalam surah Al-Haj ayat 41 (Al-Quran):

﴿ الَّذِينَ إِنْ مَكْنُنُهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الْصَّلَاةَ وَإِذَا نُوَافِرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَهُنَّ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِبْدٌ أَلْمُؤْمِنُونَ ﴾

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”

(Al-Haj 22 : 41)

Apa yang dapat disimpulkan dari ayat ini ialah manusia yang merupakan khalifah di muka bumi, khususnya umat Islam adalah bertanggungjawab dalam memelihara bumi ini dalam apa-apa sudut, sama ada di dalam ibadah, masyarakat dan sekeliling. Sekeliling seorang manusia itu tidak akan lari daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan, tanah-tanah, udara, bunyi dan air.

Daripada Rasulullah SAW “Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya” (HR. Ahmad, no.1230) Apa yang dapat disimpulkan daripada hadis

yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad ini ialah sekiranya wujudnya akhlak di dalam sesuatu insan itu, maka dia telah mencapai satu tahap pencapaian iman yang baik. Bila baik iman seorang manusia itu, maka sempurnalah perbuatan dan perlakuannya sama ada terhadap sesama manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan di sekelilingnya.

Memelihara Nyawa

Melalui pendekatan *Maqasid Syariah*, penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar terhadap kehidupan manusia sangat dititikberatkan dalam Islam. Walau bagaimanapun, kemusnahan alam sekitar tetap berpunca daripada perbuatan manusia itu sendiri. Seperti mana di dalam firman Allah SWT:

﴿ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقُهُمْ بَعْضَ
أَيْدِيٍ عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ﴾

“Telah timbul berbagai kerosakan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

(Al-Ruum 30 : 41)

Menurut ayat tersebut, demikian merupakan peringatan kepada manusia atas sebab perbuatan buruk mereka sendiri. Melalui nilai kemanusiaan di dalam diri setiap manusia terhadap kehidupan di muka bumi, maka ianya dapat memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar berada di dalam keadaan yang selesa, sejahtera dan harmoni. Ini dapat dibuktikan apabila berlakunya kerosakan atau pencemaran terhadap alam sekitar, maka keseimbangan alam yang tidak normal boleh membahayakan kehidupan manusia dan turut mengancam nyawa mereka.

Memelihara Akal

Ilmu adalah sumber kemuliaan. Meskipun ada orang yang miskin, jika dia memiliki ilmu dia dimuliakan oleh orang lain dan darjatnya tinggi di hadapan Allah SWT. Begitulah maksudnya apabila kita memanfaatkan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah SWT ke arah sesuatu kebaikan, maka segala hasilnya juga sekali gus membawa kemuliaan dimata Allah SWT dan manusia.

Kejadian alam semesta yang terbentang luas telah membuktikan tentang kewujudan dan kekuasaan Allah. Selain itu, kemurnian fikiran dan kewarasan akal dapat menjadikan manusia itu cakna akan peranannya terhadap alam semesta serta perjalanan alam ini sekali gus ianya demi menambahkan keimanan kepada Allah SWT. Selain itu, ianya juga merupakan jalan berfikir untuk mengenal Allah dalam usaha memantapkan keimanan kepadanya (Zayn al-Din ‘Abd al-Maqsud, 1981). Di dalam firman Allah SWT:

﴿ إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحْتِلْفُ الْلَّيلُ وَالنَّهَارُ لَآيَاتٍ ۝
إِلَّا مَنْ أَنْشَأَ الْأَكْبَرَ يَدْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بُطْلًا
سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) Orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi”

(Ali Imran 3 : 190-191)

Dalam konteks *Maqasid Syariah* berkaitan memelihara akal, sesiapa yang memelihara alam sekitar maka samalah juga menjaga keseimbangan berfikir, keseimbangan manfaat alam sekitar pada masa kini dan akan datang serta menggunakan kewarasan akal fikiran sama ada menjaga atau merosakkannya.

Menjaga Keturunan

Menurut Muhammad Hisyam (2009), menjaga keturunan atau keluarga dalam konteks *Maqasid Syariah* adalah menjaga kelangsungan institusi keluarga menerusi kaedah yang telah ditetapkan oleh Islam. Oleh itu, penjagaan alam sekitar menjadi punca utama yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian hidup manusia malahan turut melindungi mereka dari sebarang kesulitan mahupun kesukaran akibat malapetaka atau bencana yang menimpa antaranya, banjir kilat, tanah runtuh, pencemaran air, jerebu dan seumpamanya yang boleh mengorbankan nyawa manusia.

﴿ مِنْ أَجْحِلِ ذِلْكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ
نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَانَمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا
فَكَانَمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا
مِنْهُمْ بَعْدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴾

“Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israel, bahwasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi

sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian, sesungguhnya kebanyakannya dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi”

(al-Maidah 5 : 32)

Pembuktian melalui ayat Al-Quran ini jelas menegaskan bahawa kemusnahan dan kerosakan alam sekitar turut menjelaskan nyawa manusia dan hidupan lain untuk meneruskan kehidupan. Contohnya, jika pencemaran air tidak dibendung dan semakin berleluasa maka bagaimakah pula nasib manusia yang ingin memanfaat air bersih sebagai kegunaan harian mereka dan bagaimakah pula nasib hidupan akuatik untuk meneruskan kehidupannya? Persoalan ini menggambarkan betapa pentingnya dalam memelihara nyawa. Oleh itu, persekitaran yang baik menjamin tahap kesihatan yang baik.

Memelihara Harta

Alam sekitar bukanlah milik manusia malah ianya merupakan milik Allah SWT dan manusia sebagai khalifah di muka bumi adalah bertanggungjawab untuk memeliharanya dengan sebaik mungkin. Ini menunjukkan bahawa alam sekitar merupakan harta yang Allah telah amanah kepada manusia untuk dijaga dengan penuh kasih sayang tanpa merosakkannya.

Keharusan menjaga alam sekitar adalah merupakan kewajipan menjaga harta. Justeru itu, tindakan mereka mengejar kepentingan material sehingga sanggup mencemarkan dan mengorbankan alam semula jadi bukan sahaja berpotensi mengundang implikasi negatif kepada mereka bahkan turut mengganggu kestabilan ekosistem hidupan yang lain (Jamaluddin Md. Jahi, 1996).

Oleh itu, sesungguhnya Allah SWT sangat mengasihi hamba-Nya yang membelanjakan hartanya ke arah kebaikan. Seperti mana semua tanaman dan buah-buahan yang tumbuh di atas muka bumi ini merupakan kurniaan Allah SWT dan bukannya datang dari manusia. Maka apabila Allah SWT mengarahkan manusia untuk menunjukkan rasa syukur atas nikmat yang telah diberikan, maka sudah tentulah umat Islam yang beriman menunaikannya dengan mengeluarkan zakat dari sebahagian dari hasil tanam-tanaman mereka. Sebahagian harta yang dikongsi bersama ini dapat mengikis sifat bakhil dan kedekut dalam diri setiap manusia. Di dalam firman Allah SWT:

﴿ وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا مَمْ يُسْرِفُوا وَمَمْ يَقْتُلُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوْاماً ﴾

“Dan juga mereka (yang direndai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiadalah bakhil kedekut. Dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”
(Surah Furqan 25 : 67)

Prinsip tersebut menekankan bahawa kejadian alam dan segala kekayaan yang dimiliki oleh manusia adalah hak mutlak Allah SWT. Manusia sewajarnya bertanggungjawab menguruskan harta kurniaan-Nya dengan menyampaikan kebaikan yang diperolehi kepada masyarakat seluruhnya. Melalui prinsip inilah lahirnya sistem zakat, sedekah, wakaf dan

sebagainya yang mana sistem-sistem tersebut menjadi lambang kesyukuran terhadap Allah serta menjamin kesejahteraan manusia sejagat.

PENJAGAAN ALAM SEKITAR MENURUT UNDANG-UNDANG

Hakikatnya, pembahasan tentang penjagaan alam sekitar telah lama dibincangkan baik dalam bidang perundangan mahupun akademik. Namun, persoalan masih lagi sama iaitu keberkesanan pelaksanaannya terutama dari segi undang-undang sebagai langkah untuk mengekang dan mengawal daripada semakin membarah sehingga masyarakat tidak lagi berasa selamat untuk keluar rumah. Kaedah penguatkuasaan undang-undang merupakan antara medium yang dapat melindungi hak-hak asasi masyarakat terhadap permasalahan alam sekitar yang semakin lama semakin berleluasa tanpa ditelan arus pembangunan lestari. Oleh yang demikian, parlimen telah menggubal akta perundangan serta peruntukan khusus bagi melindungi alam sekitar antaranya pencemaran udara, air, bunyi dan tanah.

Berkaitan peruntukan bagi melindungi masyarakat daripada pencemaran udara adalah berdasarkan Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menerangkan berkaitan tindakan yang boleh diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap pesalah yang didapati melakukan pembakaran terbuka sehingga menyebabkan pencemaran udara akan disabitkan hukuman denda sehingga RM 500 000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Manakala, di dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) Seksyen 278 terdapat larangan terhadap perbuatan menjadikan udara berbahaya kepada kesihatan dan ini membuktikan bahawa melakukan suatu pencemaran udara merupakan kesalahan jenayah yang boleh menjaskas kesihatan hidupan di muka bumi ini.

Selain itu, sebab utama yang mengakibatkan pencemaran air adalah pembuangan sampah sarap ke sungai mahupun tepi tasik dan laut. Oleh itu, di dalam Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 telah memperuntukkan sabitan kepada pihak-pihak yang melakukan kesalahan mencemarkan perairan iaitu denda tidak melebihi RM 100 000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak lebih daripada RM 1 000 sehari bagi setiap kesalahan yang dilakukan secara berterusan selepas penerimaan suatu notis berkenaan pemberhentian perbuatan yang dinyatakan itu. Seksyen 65 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 menjelaskan mana-mana pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis yang gagal menyelenggarakan tangki septik dan semua peralatan atau aksesorinya sehingga mengakibatkan pencemaran atau kemudaratan kesihatan, boleh disabitkan dan didenda tidak melebihi RM50,000.

Pencemaran bunyi yang turut bergiat aktif di kawasan bandar dan perindustrian juga mempunyai perundangan untuk mencegahnya. Berdasarkan Akta Penerbangan Tempatan 1976, orang awam atau penduduk di sekitar kawasan tersebut hanya boleh membuat aduan sekiranya pihak pengurusan di lapangan terbang terbabit menjalankan aktiviti dengan tidak mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Undang-Undang Kenderaan Lalulintas 1959 telah menyatakan bahawa sesuatu kenderaan itu dimestikan dilengkapi dengan penyerap bunyi dan jika didapati pemandu atau pembawa kenderaan yang mengeluarkan bunyi bising akibat daripada kenderaan tersebut adalah diperuntukkan bahawa beliau akan didakwa.

Kanun Tanah Negara 1965 pada dasarnya ialah perundangan yang menerangkan dengan terperinci berkenaan keperluan untuk mentadbir tanah. Antara perkara yang dijelaskan ialah penjenisan tanah, penggunaan tanah, syarat dan sekatan kepentingan serta

penguatkuasaan syarat-syarat tanah (Harlida, 2002). Kepentingan kepada perundangan Garis Panduan Mengawal Hakisan Tanah dan Kelodakan 1996 adalah bertujuan membantu pemaju, kontraktor, perunding dan agensi kerajaan dalam pembangunan tanah yang turut menggariskan prinsip dan amalan baik yang perlu dipatuhi. Usaha ini diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi meminimumkan punca hakisan tanah dan kelodakan semasa dan selepas aktiviti pembangunan dijalankan.

Dari sudut perundangan pula, dapat dilihat bahawa pelbagai rang undang-undang telah digubal dalam memastikan alam sekitar ini terus terpelihara. Kompaun, saman, khidmat masyarakat, injunksi ataupun dihadapkan ke mahkamah, undang-undang telah menyediakan satu balasan atau hukuman khas terhadap kesalahan pencemaran atau kerosakan yang dilakukan. Malah, Shamsuddin Suhor (2003) mengatakan kesemua peraturan, perintah dan kaedah yang dibuat ternyata pada prinsipnya dapat menangani masalah alam sekitar dan segala yang diperuntukkan adalah menjurus ke arah kesinambungan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar. Namun kini, jumlah atau hukuman yang dijatuhkan itu kurang memberi impak kepada perosak alam sekitar ini dalam usaha untuk mengekalkan ekologi persekitaran.

Satu nafas baharu perlu diberikan dalam perundangan Malaysia khususnya dalam memperkasakan undang-undang yang telah digubal agar tidak dipandang enteng dan sepi oleh perosak alam sekitar. Pemberatan dalam memberikan hukuman kepada perosak alam sekitar, pengusaha perumahan, kilang-kilang industri, peneroka-peneroka, masyarakat yang membuang sampah dan sesiapa sahaja yang melakukan kerosakan dan pencemaran alam sekitar perlulah setimpal agar dapat memberikan kesan dan keinsafan di dalam diri si pelaku dan masyarakat sekeliling. Hal ini telah dinyatakan di dalam Berita Harian bertarikh 8 September 2020 bahawa Kementerian Alam Sekitar dan Air akan menubuhkan Unit Jenayah Alam Sekitar yang dilengkapi dengan keupayaan saintifik dan teknologi terkini bagi membolehkan pencemaran dapat dikesan lebih awal (Mahani Ishak, 2020). Ini adalah kerana bagi mengekang potensi berlaku pencemaran alam sekitar.

KEUTAMAAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR

Berdasarkan isu-isu yang berkait dengan pencemaran alam sekitar, keperluan dalam memahami dan menghayati objektif syarak (*maqasid* syariah) untuk diperlakukan selaras dengan pelaksanaan undang-undang, maka kajian ini dapat menyimpulkan dan mencadangkan beberapa perkara yang boleh dititikberatkan dalam usaha penjagaan alam sekitar.

Peruntukan Khusus Penjagaan Alam Sekitar dalam Perlembagaan Persekutuan

Peruntukan hak perlindungan alam sekitar termasuklah pemeliharaan air dicadangkan untuk ditambahkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Mengambil contoh Artikel 16 Perlembagaan Filipina yang memperuntukkan “*The State shall protect and advance the right of the people to a balanced and healthful ecology in accord with the rhythm and harmony of nature.*” Manakala, Artikel 24 Perlembagaan Afrika Selatan memperuntukkan secara khusus hak asasi berkaitan alam sekitar yang sama dinyatakan dengan jelas bahawa setiap individu adalah berhak melindungi alam sekitar daripada tercemar. Perkara ini harus diberikan perhatian serius kerana ancaman kualiti Alam Sekitar semakin ketara berdasarkan kajian *Environment Performance Index* 2014 di mana Malaysia menduduki tangga ke-51 di seluruh dunia. Bahkan, sebelum ini Malaysia pernah menduduki tangga ke-9 pada tahun 2006 dan juga pada ketika itu Malaysia pada ketika itu pernah diiktiraf sebagai Negara Asia terbaik kualiti alam sekitar di

dunia. Maka perlunya peruntukan yang khusus di dalam Perlembagaan Persekutuan agar alam sekitar dapat dipelihara serta dilindungi dengan lebih efektif.

Penjagaan Alam Sekitar ditambahkan dalam Silibus Pembelajaran

Antara usaha untuk memastikan alam sekitar dipelihara dan dijaga oleh setiap peringkat umur bagi menjamin kesejahteraan ketamadunan manusia dan alam sekitar. Menurut Fazli Sabri dan Teoh Yong Yong (2006) mencadangkan agar kurikulum di peringkat sekolah rendah mahupun menengah pada masa hadapan perlu menerapkan dengan menambah di dalam silibus pelajaran dalam sistem pendidikan bagi memberi pengetahuan di peringkat awal agar kesedaran dalam penjagaan alam sekitar dapat direalisasikan. Memandangkan kemajuan negara kian membangun maka berlaku pelbagai pencemaran yang bakal berlaku. Ilmu yang dibekalkan dapat digunakan dalam menangani pencemaran alam sekitar seperti udara, air, tanah dan bunyi. Dengan demikian, dapatlah melahirkan individu-individu yang peka dan cakna dalam menangani isu-isu berkaitan alam sekitar khususnya dalam memelihara alam sekitar dari sudut agama mahupun pendidikan.

Revolusi Pemikiran Alam Sekitar

Revolusi pemikiran alam sekitar antara satu daripadanya menuntut kepada revolusi pemikiran alam sekitar. Program transformasi minda yang dilakukan SWCorp misalnya dengan mengetengahkan idea pembaziran yang biasa dilakukan masyarakat Malaysia yang mengakibatkan kerugian hampir jutaan ringgit dijadikan perkara pokok dalam pembentukan dan mengubah pemikiran terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar. Seterusnya, kerugian yang dilakukan bahkan juga keuntungan yang bakal diperolehi daripada sampah sarap yang dibuang untuk diubah guna menjadi bahan yang mampu memberikan keuntungan ekonomi melalui proses kitar semula (*recycle*), guna semula (*reuse*), mengurangkan (*reduce*) dan sebagainya.

Pemantauan Kerja-Kerja Pembinaan oleh Pihak yang Meluluskan

Di Malaysia, antara institusi yang bertanggungjawab memainkan peranan terhadap industri binaan ialah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). CIDB memainkan peranan yang penting dalam memastikan kerja-kerja pembinaan tidak menjelaskan kelestarian alam sekitar. Pada tahun 2019, CIDB telah mengambil inisiatif untuk membangunkan alat Penarafan Infrastruktur Mampan (InfraStar). Alat tersebut menilai setiap projek infrastruktur melalui elemen-elemen kemampuan yang penting seperti penggunaan tanah, impak hasil penggunaan peralatan, sumber dan pengurusan sisa buangan di tapak pembinaan, dari segi ekologi dan persekitaran (Laupa Junus, 2019). Menurut Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah dan Madzi Marzuki (2006), kontrak sesetengah kontraktor pembinaan yang kurang prihatin terhadap masalah lain yang timbul terhadap kerja-kerja dilakukan oleh mereka. Perkara-perkara yang sering terjadi adalah seperti kerja-kerja penambakan tanah yang boleh menimbulkan aliran air seperti longkang ataupun parit kecil berhampiran dengan kawasan pembinaan menyebabkan timbulnya masalah banjir dan air berkelodak. Selain itu, satu aspek lain pula penolakan tanah menyebabkan sisa-sisa pepejal seperti kayu dan pokok dihanyutkan oleh sungai yang berdekatan serta memberi kesan sampingan kepada sungai tersebut. Sesetengah kontraktor tidak menetapkan jarak antara jalan dengan longkang dan tidak ditanam dengan tanaman tutup bumi menyebabkan berlakunya runtuhan kecil yang boleh menimbulkan longkang ataupun rekahan pada jalan raya. Sekiranya perkara ini berlaku kontraktor perlu membaikinya ataupun

bayaran kepada kontraktor perlu ditangguhkan sehingga masalah tersebut dapat diselesaikan. Selain itu, isu ini boleh mengakibatkan kerosakan dan juga mengundang kepada pencemaran kepada alam sekitar.

KESIMPULAN

Kepentingan dalam penjagaan alam sekitar adalah suatu hal yang perlu ditiptikberatkan. Pencemaran alam sekitar sama ada dari sudut udara, air, bunyi dan tanah seringkali berada pada tahap yang membimbangkan bagi seluruh manusia. Hal ini sewajarnya diambil tindakan yang serius bagi memastikan pemeliharaan alam sekitar sentiasa terjamin dan mengelakkan pencemaran ini terus-menerus berleluasa. Keharmonian inilah yang menghidupkan keseimbangan kehidupan yang menjadi kunci utama kesejahteraan segala komponen alam di atas muka bumi ini. Selain daripada itu, *Maqasid Syariah* adalah tunjang kepada syariah Islam yang melibatkan keseluruhan bagi akidah, ibadah dan akhlak seseorang kerana khususnya hal ini demi menjaga kemaslahatan bersama. Manakala, undang-undang telah memperuntukkan pelbagai perundungan bagi memastikan setiap kemusnahan yang berlaku hasil daripada manusia itu sendiri akan dikenakan hukuman. Justeru itu, alam sekitar perlu dipelihara dengan penuh rasa tanggungjawab dalam diri seseorang individu. Hal ini kerana apabila alam sekitar tidak dijaga dengan baik, maka ianya akan menyebabkan kepada pelbagai masalah yang mendatang. Demi kelangsungan hidup, manusia amat bergantung pada alam sekitar dan udara di sekeliling. Dalam kerakusan manusia hari ini tanpa sedar, keseimbangan alam semula jadi mula terjejas. Ini dapat dilihat dengan terjadinya pemanasan global, banjir kilat, tanah runtuh, kejadian tsunami, gempa bumi, jerebu dan sebagainya. Sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran dan kemampuan tubuh badan yang sihat oleh Allah SWT, seharusnya menitiikberatkan segala aspek penjagaan alam sekitar dalam usaha menjaga amanah Allah SWT dan juga mentadbir urus alam dengan sempurna.

RUJUKAN

- Al-Quran
- Abdul Basir Mohamad. (2005). Undang-Undang dan Pengurusan Alam Sekitar Menurut Islam. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 6, 107-124.
- Afif Budiyono. (2001). Pencemaran udara: dampak pencemaran udara pada lingkungan. Berita Dirgantara, 2(1), 21-27.
- Ahmad Badri Mohamad. (1987). Perspektif Persekutaran. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri. (2007). Dasar Alam Sekitar Negara, Malaysia. Dalam, Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri, A. Saiful Azman bin Aziz & Zakaria bin Ibrahim. *Isu-Isu Alam Sekitar*. Kedah: Cosmopack.
- Akta Kualiti Alam Sekeliling. (1974). Undang-undang Malaysia, Akta 127. Percetakan Nasional Berhad.
https://www.doe.gov.my/portalv1/wpcontent/uploads/2015/01/Akta_Kualiti_Alam_Sekeliling_1974_-_ACT_127.pdf.
- Aizi Razman Ismail. (2012). Alam sekitar dan pembangunan mampan. Dalam, Asan Ali Golam Hasan, *Pembangunan Wilayah dan Alam Sekitar: Cabaran dalam Merealisasikan Rancangan Malaysia Kesembilan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Air Pollutant Index of Malaysia. (2020). Diperoleh dari, http://apims.doe.gov.my/public_v2/pdf/API_Calculation.pdf, dicapai pada 25 September 2020.

- Air Pollutant Index of Malaysia. (2020). Diperoleh dari, http://apims.doe.gov.my/public_v2/pdf/Analisis_Kualiti_Udara_Sebelum_Dan_Semasa_PKP.pdf, dicapai pada 25 September 2020.
- Asmadi Mohamed Naim. (2003). *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok:Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Azlan Abas, Azahan Awang & Jamaluddin Md Saad. (2017). Impak bilangan kenderaan terhadap pencemaran bunyi di Banda Hilir, Melaka. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(4), 47-55.
- Biro BH Pahang. (2017). *Pelombong bauksit 'langgar' moratorium*.
- Fadil Othman. (1996). *Permasalahan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur & Johor: Dewan Bahasa dan Pustaka & Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Fazli Sabri & Teoh Yong Yong. (2006). *Tahap Keprihatinan Alam Sekitar dan Amalan Kebangsaan Hijar Penggunaan*. Univesiti Putra Malaysia. Petaling Jaya. Selangor.
- Fazrul Razman Sulaiman. (2015). Atmosfera bumi dan tindakbalas kimia pencemaran udara. Dalam, Sharifah Norkhadijah Syed Ismail dan Mohd Armi Abu Samah. *Meneroka Interaksi Dinamik dalam Kesihatan Persekitaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hadith Riwayat. Abu Dawud. Ibnu Hibban dan Hakim. Shahihul Jaami,, no 1230.
- Hamidi Ismail. (2003). Pengurusan alam sekitar Malaysia: sejarah, isu dan penyelesaiannya kini. Dalam, Dani Salleh & Abdul Rahman Aziz, *Asas Kefahaman Pengurusan Pembangunan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Hamidi Ismail & Tuan Pah Rokiah Syed Hussain. (2011). *Perbandingan konsentrasi bunyi bising antara bandar Alor Setar (Kedah) dengan Georgetown (Pulau Pinang)*. Laporan Penyelidikan Universiti Utara Malaysia.
- Harlida Abdul Wahab & Nurli Yaacob. (2012). Pencemaran sungai: analisis peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. *Kanun*, 24(1), 77-93.
- Harlida Abdul Wahab. (2002). Kawalan Undang-Undang Tahap Pembangunan di Tanah Tinggi. *Jelapang*, 3(1), 63-70.
- Haryati Shafii, Nursyikin Miskam, Azlina Md Yassin, Seow Tawee & Sharifah Meryam Shareh Musa. (2018). Status kualiti udara di beberapa kawasan luar bandar terpilih di negeri Johor. International Conference of Tourism, Business & Technology, Sabah, 1-17.
- Hazura Abu Bakar. (2007). Pemeliharaan alam Tabii bersumberkan pengetahuan Islam. *Pendidikan Sains*, 7(1), 31-44.
- Ibrahim Komoo. (2016). Perlombongan bauksit usah jejas alam sekitar.
- Irma Dita Kurniawati, Ulfa Nurullita & Mifbakhuddin. (2017). Indikator pencemaran udara berdasarkan jumlah kenderaan dan kondisi iklim. *Jurnal Kesehatan Masyarakat Indonesia*, 12(2), 19-24.
- Jabatan Alam Sekitar. (2018). Dasar Penggubalan Baru Akta Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar. Diperoleh dari, <http://www.doe.gov.my/e-participation/wp-content/uploads/2018/02/Dasar-Gubalan-Akta-Alam-Sekitar.pdf>, dicapai pada 26 September 2020.
- Jamaluddin Md. Jahi. (1996). *Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.
- Jamaluddin Md Jahi. (2005). *Alam Sekitar Fizikal: Pendekatan, Kepentingan dan Impaknya Terhadap Manusia*. Persidangan Pendidikan Geografi/Sejarah, Jabatan Pelajaran Terengganu. Besut. Terengganu.
- Kenyataan Media Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar Status Kualiti Udara. (2015). Diperoleh dari, www.doe.gov.my/portalv1/wp-content/uploads/2015/09/Kenyataan-Akhbar-Kementerian-Sumber-Asli-27-September-2015.pdf, dicapai pada

- Kenyataan Media Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE). (2015). Status Kualiti Udara. Diperoleh dari, www.doe.gov.my/portalv1/wp-content/uploads/2015/09/Kenyataan-Akhbar-Kementerian-Sumber-Asli-27-September-2015.pdf, dicapai pada 27 September 2015.
- Khairul Azhar bin Meerangani. (2018). Kepentingan penjagaan alam sekitar menurut perspektif maqasid syariah. *Isu-Isu Semasa Islam & Sains*, 543-560.
- Laupa Junus. (2019). InfraStar pastikan projek pembinaan lebih lestari. *Jurnal.my*. <https://jurnal.my/2019/12/30/infrastar-pastikan-projek-pembinaan-lebih-lestari/>
- Ruzian Markom & Norizan Hassan. (2014). Kelestarian Alam Sekitar dan Pembiayaan Teknologi Hijau dari Perspektif Undang-Undang. *Kanun*, 26(2), 268-287.
- Mahani Ishak. (2020). Unit jenayah alam sekitar perlu dilengkapi teknologi terkini. *Berita Harian*, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/729253/unit-jenayah-alam-sekitar-perlu-dilengkapi-teknologi-terkini?fbclid=IwAR1WZb966xrDT98B1oz6IrOsDqmP1K7ghgR-6Wieh_DWwJSLQJrVcOXTh4s, dicapai pada 25 September 2020.
- Mohd Yusof Abdullah, Latiffah Pawanteh, Sharifah Mastura Syed Abdullah & Normah Mustaffa. (2010). Kesedaran dan sikap komuniti dalam pengurusan persekitaran di Wilayah Iskandar, Johor. *Jurnal Melayu*, 5, 71-86.
- Mohammad Shafiq Shamsuddin, Anwar Wajdi Rohaizad, Amirul Haiqal Ramzi, Mohamad Fikri Masruddin & Muhammad Faris Fahmi Jazam. (2019). Isu pencemaran air di Sungai Kim Kim berdasarkan saranan Al-Quran. Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 23-24 November, 740-747.
- Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah. (2005). *Pembangunan dan Alam Sekitar di Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Perak.
- Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah & Madzi Marzuki. (2006). Kajian Impak Pembangunan terhadap Alam Sekitar di Lembah Bernam (Tanjong Malim). Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Hisyam Mohammad. (2009). *Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif: Pendekatan di Malaysia dalam Khairul 'Azmi Mohamed, et al. (Eds.) Ke arah Umat Hadhari*. Yayasan Ilmuwan. Kuala Lumpur.
- Muhammad Rizal Razman, Mazlin Mokhtar, Siti Naaishah Hambali, Sharifah Zarina Syed Zakaria & Zuliskandar Ramli. (2016). Perlindungan alam sekitar terhadap aspek kecuaian di bawah undang-undang tort melalui mediasi ke arah pembangunan mampan di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 93-101.
- Narendra Singh & S.C Davar. (2004). Noise Pollution-Sources, Effects and Control. *Journal Human Ecology*, 16(3), 181-187.
- Norhibah Hasan Zawawi. (1999). *Konsep Islam terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Nur Shazwanie Rosehan & Azlan Abas. (2019). Pencemaran bunyi bising trafik di Bandar Batu Pahat, Johor. *Akademika*, 89(2), 97-109.
- Shamsuddin Suhor. (2003). Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127): peranan dan keberkesanan peraturan, perintah dan kaedah-kaedah di bawahnya. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 7, 37-50.
- Sinar Harian. (2016). *Alat sonar punca paus hilang arah ?*
- Siti Aznor Ahmad & Anis Shuhaida. (2012). Pencemaran: keperluan faktor kawalan. Dalam, Asan Ali Golam Hasan, *Pembangunan Wilayah dan Alam Sekitar: Cabaran dalam Merealisasikan Rancangan Malaysia Kesembilan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

- Surtahman Kastin Hasan, (2018). *Ekonomi Islam: Pembangunan dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Online. (2011). *Forum Pencemaran bunyi di Kuala Lumpur Serius*.
- Wark, K. & Warner, C.F. (1981). *Air Pollution: Its Origin and Control*. Edisi Kedua. New York: John Wiley and Sons.
- Zayn al-Din ‘Abd al-Maqsud. (1981). *al-Bi’ah wa al-Insan*. Kuwait: Dar al-Buhuth al’ Ilmiyyah.
- Zulfahmi Syamsuddin & Wan Hasmah Wan Mamat. (2014). *Perbandingan Pemikiran Konsep akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam aspek Intelek*. Universiti Malaya.

Rujukan Statut

- Akta Industri Perkhidmatan Air 2006
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- Akta Kualiti Alam Sekitar 1974
- Akta Penerbangan Tempatan 1976
- Garis Panduan Mengawal Tanah dan Kelodakan 1996
- Kanun Keseksaan (Akta 574)
- Kanun Tanah Negara 1965
- Perlembagaan Persekutuan (Jadual 9 Senarai 2 Senarai Negeri)
- Undang-Undang Kenderaan Lalulintas 1959